

KL menuju status bandar mesra usia

KUALA LUMPUR: Kuala Lumpur disasar mencapai status bandar mesra usia sepenuhnya sebagai langkah menghadapi peralihan Malaysia ke arah masyarakat menua.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr. Maimunah Mohd. Sharif berkata, dengan unjuran lebih 15 peratus penduduk berusia 60 tahun ke atas menjelang 2030, Kuala Lumpur perlu segera menyediakan persekitaran selamat, inklusif dan mudah diakses oleh warga emas.

“Kuala Lumpur mesti menjadi sebuah kota penyayang, bukan hanya untuk warga emas, tetapi untuk semua lapisan generasi.

“Kita tidak boleh tunggu sehingga penuaan berlaku untuk mula bertindak,” katanya pada Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa 2025 (ISWC 2025), di sini semalam.

Maimunah berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kini giat merancang untuk mewujudkan 100 ‘bandar boleh bergerak’ yang bermaksud kawasan pembangunan direka bentuk lengkap dengan kemudahan mobiliti, kebolehcapaian dan keselamatan buat warga emas.